

## SIARAN AKHBAR

### ASEAN FORUM: THE FUTURE OF FINANCE

Selasa, 24 Rabiulawal 1445H bersamaan dengan 10 Oktober 2023M

---

1. Asia Asset Management (AAM) dengan kerjasama Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), dan sokongan daripada Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), telah menganjurkan acara “The ASEAN Forum: The Future of Finance” pada hari Selasa, 24 Rabiulawal 1445 bersamaan 10 Oktober 2023 di The Empire Brunei, Bandar Seri Begawan.
2. Acara ini diadakan bersempena dengan acara tahunan Brunei Darussalam Roundtable kali Ke-15 dan dihadiri oleh ahli-ahli profesional industri tempatan dan antarabangsa, serta beberapa jemputan lainnya.
3. Forum bertemakan “*The Future of Finance*” bertujuan untuk membincangkan situasi dunia kewangan yang giat berubah disebabkan revolusi teknologi. Kewangan moden sebagaimana yang kita ketahui sedang mengalami gangguan meluas terhadap rantai nilai (*value chain*), dan momentumnya semakin meningkat selepas pandemik.
4. Forum dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Tan Lee Hock, Pengasas dan Penerbit AAM. Beliau menyentuh mengenai keperluan bagi semua pihak berkepentingan untuk memahami tren dan perkembangan dunia kewangan dalam era digital kerana perubahan ini bukan sahaja memberi impak yang meluas pada masa ini, bahkan juga di masa akan datang. Ucapan beliau menekankan beberapa mengalami perkembangan seperti aset digital, pencen, kelestarian, persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG), risiko iklim, inflasi, dan risiko geopolitik.
5. Forum kemudiannya diikuti dengan ucap-tama Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, yang disampaikan oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), yang menekankan mengenai landskap kewangan di rantau ini yang mengalami perubahan transformasi didorong oleh kemajuan teknologi, kerangka peraturan yang berkembang, dan peningkatan hubungan global. Antara lain, Yang Berhormat Dato turut menyentuh mengenai cabaran semasa dalam menuju ke arah ekonomi digital dengan menengahkan tiga tema utama: **Inovasi, Ketahanan (Resilience) dan Keterangkuman (Inclusivity)**. Seterusnya, Yang Berhormat Dato menghargai agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membina infrastruktur, rangka kerja dan peraturan-peraturan yang diperlukan untuk menyokong pembangunan industri kewangan secara menyeluruh dan bersepadu.

6. Acara diikuti dengan pembentangan bertajuk "*China and ASEAN: The New Dynamics*" yang disampaikan oleh Jeffrey Lee, Ketua Pegawai Pelaburan, Phillip Capital Management, Singapore. Pembentangan lain termasuk "*ESG and Sustainability: Global Trends and Issues*" yang disampaikan oleh Bernard Chua, Naib Presiden, Pengurus Portfolio Klien Kanan, American Century Investments; dan "*The Future of Pensions: 7 Pillars of a Good System*" oleh Professor Joseph Cherian, Profesor Praktis Kewangan, Asia School of Business dan Cornell University (Visiting).
7. Acara disusuli dengan perbincangan panel bertajuk "*Islamic Finance, ESG and Sustainability*" yang diketuai oleh Tan Lee Hock dengan ahli panel Dr. Srikanya Yathip, Setiausaha Agung, Government Pension Fund, Thailand; Awang Haji Md Adfarul bin Haji Maz Adnan, Pengarah Urusan, Tabung Amanah Pekerja (TAP); dan Professor Joseph Cherian.
8. Forum diakhiri dengan ucapan penutup yang disampaikan oleh Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF. Dalam ucapan beliau, Hajah Sufinah menekankan bahawa transformasi digital telah mengubah cara penyampaian perkhidmatan kewangan. Transformasi ini didorong oleh penggunaan algoritma, *Big Data*, *blockchain*, pinjaman *peer-to-peer*, dan *crowdsourcing*. Hajah Sufinah juga menyentuh bahawa bank-bank tradisional perlu menyesuaikan diri untuk bertanding dengan pesaing baharu seperti Fintech dan pesaing *platform-based*. Selain itu, beliau menzahirkan harapan agar perbincangan mendalam semasa forum tersebut akan memberi inspirasi di kalangan peserta untuk membentuk semula masa hadapan kewangan, menetapkan piawaian baru yang lebih efektif, dan mencipta impak yang berkekalan.
9. BILIF adalah sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di bawah BDCB. BILIF dengan giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman web BILIF di [www.bilif.com.bn](http://www.bilif.com.bn) atau akaun Instagram @BILIF.bn.